



Mampukah BN Kembali Berkuasa di Sabah?

MAMPUKAH Barisan Nasional (BN) kembali berkuasa di Sabah? Jawapan paling mudah adalah mampu. Begitu pun, para penyokong BN usah seronok dengan kenyataan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana Parti Warisan Sabah (WARISAN) juga mampu. Peratusannya ialah 50-50 bagi kedua-dua parti.

Namun begitu, tentulah pembaca *Dewan Masyarakat (DM)* mengharapkan jawapan tuntas yang lebih daripada peratusan yang sama. Menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah, tentunya para penyelidik akan turun ke Sabah dan membuat penelitian, baik dalam kalangan ahli akademik mahupun Badan Bukan Kerajaan (NGO), media dan orang perseorangan, termasuk pemerhati berkecuali atau berkaitan dengan parti politik.

Sama seperti dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 lalu yang menyaksikan banyak pihak membuat penyelidikan secara profesional yang tujuannya tidak lain tidak untuk mendapatkan gambaran awal tentang keputusan PRU ke-14. Untuk lebih berkesan, mereka perlu turun ke akar umbi, iaitu ke kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) atau parlimen untuk membuat tinjauan terhadap pengundi tentang calon, isu yang terkait dan parti yang bertanding.

Tentulah usaha tersebut memerlukan dana yang besar dan penglibatan petugas yang ramai. Perlu diketahui bahawa meskipun kajian tersebut dilakukan oleh golongan profesional, namun hasilnya tidak semestinya tepat. Apa-apa kajian yang diperoleh semasa Dewan Rakyat mula dibubarkan, selepas penamaan calon dan sehari sebelum pengundian juga tidak akan sama. Antara tinjauan hampir tepat yang pernah dilakukan semasa PRU ke-14 ialah apa-apa yang dilakukan oleh Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Rafizi Ramli, melalui pertubuhannya, Invoke Malaysia. Hal itu pun, bukan 100 peratus tepat kerana ramalannya tentang apa-apa yang berlaku di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, ternyata meleset.

Pastinya, tokoh seperti Rafizi akan turun sekali lagi untuk membuat penyelidikan mengenai politik Sabah. Malah, beliau sendiri sudah sampai

di kawasan Parlimen Kinabatangan yang kini diwakili oleh Ahli Dewan Rakyat UMNO, Datuk Sri Bung Mokhtar Radin, beberapa hari selepas pengumuman pembubaran DUN Sabah. Bung Mokhtar sudah menyatakan bahawa beliau mahu bertanding dalam PRN Sabah, malah turut mengakui bahawa dirinya juga boleh menjadi Ketua Menteri Sabah. Kenyataan ini menjadikan PRN Sabah lebih menarik daripada sebelumnya kerana sebelum ini, perebutan jawatan Ketua Menteri itu jelas berlaku hanya antara Tan Sri Musa Aman (BN) dengan Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (WARISAN). Kini, Bung Mokhtar turut menyatakan kesediaannya untuk dicalonkan sebagai Ketua Menteri Sabah yang baharu.

Jika dilihat pada pertarungan tiga blok ini, ketiga-tiga orang calon berasal daripada UMNO, termasuk Shafie Apdal sendiri. Sebelum menubuhkan WARISAN, beliau ialah Naib Presiden UMNO – jawatan tertinggi dalam parti yang disandang ahli UMNO dari Sabah pada ketika itu.

Sebelum UMNO Sabah ditubuhkan, mereka ialah ahli Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO). Parti yang ditubuhkan pada tahun 1961 itu dibentuk seperti UMNO di Tanah Melayu. Kemudian, parti itu menyerap masuk Pertubuhan Pasokmomogun Kadazan Bersatu (UPKO). USNO kemudian bergabung dengan sebahagian daripada Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) untuk menubuhkan UMNO Sabah dan USNO dibubarkan. Tidak lama kemudian, satu parti baharu, iaitu USNO Baru ditubuhkan pada tahun 2013.

Sebenarnya, politik di Sabah berlegar dalam golongan yang sama. Mengimbas kembali sejarah, pihak yang menjatuhkan USNO adalah

Kestabilan tidak memerlukan majoriti besar. Cukup bagi yang menang menjalankan pentadbiran yang baik dan berintegriti. Sementara itu, pihak yang kalah haruslah menjadi pembangkang yang bertanggungjawab.

dalam kalangan ahli USNO sendiri yang menubuhkan BERJAYA. Kemudian, mereka pula dikalahkan oleh Parti Bersatu Sabah (PBS), juga dalam kalangan mereka sendiri. PBS pula dikalahkan oleh UMNO Sabah. Tidak dinafikan, kesemua mereka mempunyai pengaruh daripada parti politik di Semenanjung Malaysia melalui BN. Pada tahun 2018, UMNO pula dikalahkan oleh WARISAN yang turut disokong oleh Pakatan Harapan (PH) dari Semenanjung Malaysia pada PRU ke-14.

Pada PRN kali ini, pasukan Perikatan Nasional (PN) terdiri daripada Muafakat Nasional (MN) dan Gabungan Bersatu Sabah (GBS). MN bermaksud permuafakatan antara BN dengan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Walaupun ada disebut bahawa MN hanya melibatkan Semenanjung Malaysia, tetapi PAS Sabah menganggap diri mereka merupakan sebahagian daripada PN juga. Sementara itu, BN Sabah terdiri daripada UMNO, Persatuan Cina Malaysia (MCA), Parti Demokratik India Malaysia (MIC) dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS). GBS pula terdiri daripada PBS dan Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) dengan Parti Maju Sabah (SAPP) sebagai sekutunya. Di pihak WARISAN yang merupakan sekutu PH, parti yang menyebelahnya ialah PKR, Amanah dan Parti Tindakan Demokratik (DAP).

Dalam pada itu, akan muncul semula parti kecil yang pasti turut serta dalam PRN pada kali ini. Mereka diketuai oleh ahli politik lama yang pada asalnya juga daripada parti besar, seperti USNO, UMNO, BERJAYA, PBS, UPKO dan lain-lain. Selain itu, dijangka parti baharu akan muncul, baik yang ditubuhkan oleh ahli politik lama mahupun baharu.

Sememangnya dalam sejarah Sabah, begitu mudah dan banyak

parti baharu ditubuhkan dan ditutup. Parti kecil ini bukanlah boleh menubuhkan kerajaan negeri, tetapi dengan hanya memenangi satu kerusi, mereka boleh menyertai mana-mana gabungan yang menubuhkan kerajaan negeri. Melompat, sama ada secara perseorangan atau dengan menggunakan parti sudah menjadi amalan yang biasa.

Sejak awal lagi, iaitu selepas Malaysia ditubuhkan, ahli politik menggunakan isu kenegerian untuk meraih sokongan. Dalam hal ini, mereka menganggap bahawa kerajaan persekutuan tidak memberikan layanan sebaik-baiknya kepada Kerajaan Sabah dan berlaku campur tangan politik yang ketara.

Berdasarkan latar belakang sejarah, apa-apa yang dilihat sebagai campur tangan Kuala Lumpur melalui Perikatan ke atas Perikatan Sabah dengan penekanan penggabungan UPKO dengan USNO, sehinggalah kepada kemenangan BERJAYA atas dorongan Kuala Lumpur. Kemudian, BERJAYA dikalahkan oleh PBS, yang pada akhirnya PBS terpaksa akur dan menyertai BN. Tidak lama selepas itu, USNO dibubarkan bagi membolehkan UMNO masuk ke Sabah.

Apa-apa yang dilihat sebagai campur tangan dari Kuala Lumpur ini juga berlaku terhadap pihak pembangkang. Parti yang berasal dari Semenanjung Malaysia, seperti DAP, PKR, PAS dan Amanah juga membuka cawangan di Sabah. Walaupun ahli politik mereka berasal dari Sabah, tetapi pemimpin mereka pada peringkat pusat pasti turun untuk berkempen. Sememangnya, ahli politik Semenanjung Malaysia atau sesiapa pun pemimpin yang mahu menjadi Perdana Menteri perlu meraih sokongan daripada ahli parlimen di Sabah.

Pastinya rakyat Sabah mahu menjadi negeri yang berjaya dalam Malaysia, makmur dan hidup selesa,

setaraf dengan semua negeri di negara ini. Pada setiap kali PRN, hal itulah yang dinantikan. Namun begitu, pada setiap kali pilihan raya juga, golongan elit politik pasti berusaha untuk meneruskan sistem yang sedia ada.

Siapakah yang mampu untuk memenangi PRN Sabah? Adakah rakyat Sabah sudah berubah? Atau lebih penting lagi, adakah ahli politik Sabah juga sudah berubah?

Perubahan masyarakat pada umumnya berbentuk generasi. Apabila generasi silih berganti, pastinya akan wujud perubahan, termasuklah dalam pilihan raya dan pengundian. Bermula pada tahun 1963 hingga tahun 2020, generasi silih berganti, tetapi teras masyarakat tidak berubah. Maka, pergantian berlaku secara berperingkat. Parti BERJAYA pernah mengalahkan USNO. PBS pernah menumpaskan BERJAYA. UMNO menundukkan PBS. Pada akhirnya, parti baharu, WARISAN mengalahkan UMNO.

Semua pihak perlu akur bahawa Sabah dan juga seluruh Malaysia memerlukan kerajaan yang stabil untuk hidup bernegara yang aman dan maju. Sistem demokrasi diciptakan untuk menyokong kenyataan itu. Lebih-lebih lagi Malaysia masih dilanda pandemik COVID-19. Kestabilan tidak memerlukan majoriti besar. Cukup bagi yang menaungi menjalankan pentadbiran yang baik dan berintegriti. Sementara itu, pihak yang kalah haruslah menjadi pembangkang yang bertanggungjawab.

Sepatutnya PRN Sabah tidak perlu diadakan kerana tempoh mandat rakyat belum berakhir. Penyusunan politik berlaku serentak dengan PRU 2018. Pemenang wajar diberikan peluang untuk menghabiskan tempoh pentadbirannya. Begitu pun, disebabkan tindakan ahli politik melompat parti telah menyusahkan rakyat, negeri dan negara. □